

BAB 7/7.1 PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL

1. Padankan maksud konsep berikut.

KONSEP	MAKSUD
Perpaduan kaum	
Integrasi nasional	

Satu proses dinamik yang merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah bagi membentuk satu bangsa. Mereka mempunyai identity sendiri berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

Keadaan rakyat daripada pelbagai etnik, agama, dan wilayah hidup dengan naman dalam masyarakat yang Bersatu. Mereka memberi komitmen yang penuh kepada identity kebangsaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

2. Berdasarkan pernyataan berikut, padankan kesan dasar pentadbiran British yang betul.

PERNYATAAN

Pekerja luar dibawa masuk bekerja dalam sektor perlombongan, perladangan dan perniagaan. Kaum bumiputera bertumpu diluar bandar dan menjalankan ekonomi tradisional.

Kemunculan sistem pendidikan vernacular Melayu, Cina, India, Inggeris mewujudkan perbezaan pemikiran dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

Kegiatan ekonomi berbeza antara kaum menyebabkan pemisahan dari segi petempatan dan mewujudkan jurang ekonomi yang tidak seimbang antara kaum.

Penubuhan parti politik dengan fahaman politik berasaskan kaum dan memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing.

KESAN DASAR BRITISH

Sistem Pendidikan

Fahaman politik

Dasar pentadbiran

Kegiatan ekonomi dan petempatan

3. Berdasarkan usaha memperkasakan perpaduan dan integrasi nasional berikut, nyatakan sama ada dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

POLITIK	EKONOMI	SOSIAL

Memperkenalkan Rukun Negara sebagai tunjang kesetiaan rakyat

Mengintegrasikan ekonomi melalui pembangunan ekonomi wilayah termasuk di Sabah dan

Memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional

Memperkenalkan Zon Perindustrian Bebas di Bayan Lepas, Pelabuhan Klang dan Pasir Gudang

Menambah baik Dasar Pendidikan Kebangsaan melalui Akta Pendidikan 1996

Membentuk gabungan parti politik pelbagai kaum untuk mewujudkan keharmonian dan kestabilan

Menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara

Memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan melalui pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan